

# Jenayah remaja tidak dibendung jejas masa depan negara

Saban hari kita membaca dan melihat berita berkaitan jenayah yang sering berlaku di negara ini. Boleh dikatakan tiada hari berlalu tanpa kejadian jenayah. Paling merunsingkan adalah jenayah yang dilakukan oleh pelajar berusia seawal tujuh tahun.

Remaja yang menjadi harapan mewarisi kepemimpinan negara pada masa akan datang, membabitkan diri dalam pelbagai aktiviti jenayah dan terjebak masalah sosial lain sehingga menjejaskan masa depan mereka.

Antara jenayah membabitkan pelajar adalah curi motosikal, ragut, rogol, bunuh, samun berkumpulan tanpa senjata api hingga mendatangkan kecederaan. Ada juga kalangan pelajar terbabit dalam penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Jenayah ditakrifkan sebagai satu perbuatan atau sebarang kesalahan yang boleh membahayakan masyarakat. Segala perbuatan atau tindakan jenayah itu jika disabit kesalahan di sisi undang-undang, orang yang melakukannya boleh dijatuhkan hukuman denda atau penjara bergantung kepada kesalahan yang dilakukan.

## Remaja tonggak utama negara

Remaja adalah tonggak utama negara pada masa hadapan, justeru, jatuh bangun negara akan ditentukan oleh remaja pada hari ini.

Remaja yang terbabit dalam pelbagai kegiatan jenayah boleh membantutkan aspirasi negara untuk melahirkan modal insan yang mempunyai nilai moral tinggi dan integriti untuk memajukan negara.

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarkan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**

## Faktor menyebabkan remaja terjerumus dalam kancah jenayah:

⊙ Kepincangan dalam institusi keluarga punca utama remaja melakukan jenayah. Ibu bapa yang sering bertengkar di hadapan anak menyebabkan anak rasa tertekan dan menganggap rumah seperti neraka. Justeru, mereka ambil keputusan untuk keluar dari rumah bagi mencari ketenangan.

Dalam hal ini, anak akan ke pusat hiburan, melepak di pusat beli-belah ataupun menganggotai kumpulan kongsi gelap. Sewaktu mereka berusaha melupakan masalah, remaja ini tersilap langkah apabila terbabit dalam penyalahgunaan dadah.

⊙ Ibu bapa kurang memberi penekanan terhadap pendidikan agama dan moral juga mengakibatkan remaja terbabit dengan jenayah. Melalui pergaulan bebas, remaja terbabit dalam kum-

pulan kongsi gelap. Pada masa sama, ibu bapa juga sibuk mencari nafkah sehingga anak tidak diberi perlindungan. Ini menyebabkan remaja keluar rumah untuk mencari kebebasan tiada batasan sehingga terjerumus dalam jenayah lebih serius seperti seks bebas, pembuangan bayi dan sebagainya.

⊙ Kemiskinan juga adalah antara faktor remaja terbabit dalam jenayah. Keinginan mendapatkan kehidupan mewah dan bergaya walaupun tidak mampu, mendorong remaja terbabit mencuri dan merompak. Remaja berasa terpinggir apabila melihat rakan sekeliling yang hidup mewah seperti memiliki gajet mahal.

⊙ Penyalahgunaan media elektronik yang negatif banyak mendorong remaja terbabit dalam kes jenayah. Sebagai contoh, langgan majalah pornografi yang begitu mudah didapati hingga mendorong remaja mencuba sesuatu yang tidak sepatutnya.

⊙ Di samping itu, pengaruh rakan sebaya juga punca jenayah makin meningkat dalam kalangan remaja. Remaja khususnya pelajar lebih banyak menghabiskan masa di sekolah dan selepas pulang dari sekolah, mereka melepak di tempat tertentu seperti pasar raya sebelum pulang ke rumah.

Mereka lebih suka mencari rakan sebaya untuk mengisi masa lapang. Jika mereka bijak memilih rakan yang dapat memimpin, mereka tidak akan mudah terjebak dengan kegiatan tidak bermoral. Sebaliknya, jika mereka tersalah pilih rakan, pasti mereka juga akan melakukan perkara tidak bermoral kerana remaja sememangnya mudah terikut-ikut perangai rakan.



**Peningkatan kes jenayah membabitkan remaja** mengecewakan kerana mereka bakal menjadi pemimpin masa depan. [GAMBAR HIASAN]

© Faktor paling penting keruntuhan nilai murni dalam kalangan ahli masyarakat kita terutama remaja. Sikap hormat-menghormati orang tua semakin luntur.

Antara langkah yang boleh diambil ialah ibu bapa perlu mendidik anak dari kecil sebelum terlambat. Selain itu, ibu bapa juga selalu memantau anak terutama dari segi pergaulan. Ibu bapa seharusnya memberi galakan kepada anak menyertai aktiviti seperti ceramah agama atau ke-rohanian yang sesuai. Ini boleh memberi panduan kepada mereka dalam mencari kehidupan yang benar.

Selain itu, remaja harus pandai memilih rakan sebaya kerana sememangnya remaja mudah terpengaruh dengan rakan. Di sini, ibu bapa mesti selalu berinteraksi

dengan anak supaya tahu dengan siapa anak mereka berkawan.

### **Tingkat disiplin pelajar**

Pihak sekolah juga perlu memantapkan lagi disiplin bagi menjamin kegiatan salah laku pelajar berkurangan. Setiap kesalahan pelajar seperti ponteng sekolah, merokok, menghisap dadah atau memukul pelajar lain hendaklah didenda setimpal dengan kesalahan. Pihak sekolah juga perlu selalu berinteraksi dengan ibu bapa pelajar dengan membuat perbincangan bagi mencari pendekatan awal mengatasi masalah yang lebih serius.

### **Tan Sri Lee Lam Thye,**

Naib Pengerusi,  
Yayasan Pencegahan  
Jenayah Malaysia